

30 JAN 1996

ANWAR RAI MENTERI DALAM MAJLIS BERBUKA PUASA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meraikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri-menteri Kabinet dan beberapa orang Menteri Besar dalam satu majlis berbuka puasa yang diadakan di kediaman beliau di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba 10 minit sebelum berbuka diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Anwar dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah.

Majlis tersebut dimulakan dengan berbuka puasa diikuti sembahyang Maghrib secara berjemaah, makan malam dan seterusnya sembahyang Terawikh.

Antara Menteri Kabinet yang hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Orang Kenamaan lain yang turut hadir ialah Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor, Panglima Angkatan Tentera Malaysia Tan Sri Ismail Omar dan Peguam Negara Datuk Mohtar Abdullah. -- BERNAMA